

RM1.09 juta barang tiruan dilupuskan

Amin Jalil

am@hmetro.com.my

PELBAGAI barang tiruan bernilai RM1.09 juta dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini.

Program Pelupusan Barang Rampasan itu disempurnakan Timbalan Pengarah Penguatan kuasa KPDNHEP Rosli Ahmad di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatan kuasa KPDNHEP di Nilai hari ini.

Rosli berkata, pelupusan barang itu membabitkan 33 kes sitaan dilakukan KPDNHEP mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 bagi pelupusan eksibit siri keenam.

"Barangan yang dilupuskan membabitkan beg tangan, beg galas, dompet, kasut, aksesori telefon, toner, katrij dan arak.

"Semua barangan yang dilupuskan adalah hasil rampasan ke atas pelanggaran kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

"Ini pelupusan kali keenam tahun ini selepas menerima arahan daripada pihak mahkamah dan pengawal perihal dagangan," katanya.

Beliau berkata, dari Januari hingga September ini, nilai rampasan pelbagai barangan dianggarkan lebih RM4.1 juta membabitkan 184 kes.

Katanya, rampasan terbesar adalah yang keempat dengan nilai RM1.7 juta.

Rosli berkata, semua barangan itu dirampas di Lembah Klang.

Beliau berkata, semua kes terbabit sudah diselesaikan sama ada dikenakan kompaun atau diselesaikan di mahkamah.

"Pelaksanaan pelupusan ini bertujuan membasmikan aktiviti penjualan dan penggunaan barang tiruan dan kita sentiasa komited membanteras masalah ini," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 18 September 2019 @ 9:41 PM



Rosli (tengah) menunjukkan antara barang tiruan yang dilupuskan hari ini. FOTO Iqmal Haqim Rosman